



جابتن حال إحوال اكلام إسلام نكري سابه

KHUTBAH JUMAAT 29 ZULHIJAH 1440 H / 30 OGOS 2019

MERDEKA DAN HIJRAH, BINA NEGARA AMAN DAN MAKMUR

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ وَعَلَّمَهُ الْبَيَانَ. وَنَهَاهُ عَنِ الْغِيْبَةِ وَالنَّمِيمَةِ وَالْكَذِبِ وَالْبُهْتَانِ.
أَحْمَدُهُ عَلَى مَا أَوْلَاهُ مِنَ الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ. شَهَادَةً أَرْجُو بِهَا دُخُولَ الْجَنَانِ. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
الْمُؤَيَّدُ بِالْمُعْجَزَاتِ وَالْبُرْهَانِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَهْلِ
الصِّدْقِ وَالْإِيمَانِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,
HADIRIN JAMA'AH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Firman Allah SWT di dalam Al Quran Al Karim:

وَإِنْ مِنْ قَرْيَةٍ إِلَّا نَحْنُ مُهْلِكُوهَا قَبْلَ يَوْمِ الْقِيَامَةِ أَوْ مُعَذِّبُوهَا عَذَابًا شَدِيدًا كَانَ
ذَلِكَ فِي الْكِتَابِ مَسْطُورًا ﴿٥٨﴾

Yang bermaksud: "Dan tiada sesebuah negeri pun melainkan Kami akan membinasakannya sebelum hari kiamat, atau Kami menyiksa penduduknya Dengan azab seksa Yang berat; Yang demikian itu adalah tertulis di Dalam Kitab (Lauh Mahfuz)".

Sehubungan dengan peringatan Allah SWT tersebut, marilah kita sama-sama berusaha memelihara diri dan negara kita daripada ditimpa azab Allah SWT dengan mengamalkan budaya bersyukur terhadap segala nikmat yang dikecapi hingga ke hari ini melalui pemantapan iman dan peningkatan takwa iaitu dengan mengerjakan segala perkara yang diperintahkan Allah SWT dan menjauhi segala perkara yang ditegah-Nya. Ketakwaan yang sebenar-benarnya akan membolehkan kita beroleh kejayaan yang bermakna di dunia dan di akhirat.

HADIRIN JAMA'AH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Dengan menjelangnya 31 Ogos 2019 yang jatuh pada hari esok, maka genaplah sudah 62 tahun negara kita Malaysia mencapai kemerdekaan dan Sabah pula mencapai kemerdekaan

masuk tahun yang ke 56 melalui Pembentukan Persekutuan Malaysia yang termeterai pada 16 September 1963.

Kemerdekaan yang kita perolehi dan nikmati ini telah membolehkan kita membangun dan maju berlipat kali ganda lebih baik berbanding semasa berada di bawah belenggu penjajahan. Pembangunan dan kemajuan yang sedang dan Insya-Allah akan terus kita kecapai menjadi sumber keamanan yang perlu dipelihara dan dikekalkan demi kepentingan generasi hari ini dan generasi akan datang.

Namun, apa yang agak membimbangkan dan menyedihkan kita ialah generasi muda yang disandarkan harapan untuk mempertahankan dan membela kesucian agama serta kedaulatan bangsa dan negara sedang pula berhadapan dengan permasalahan rumit. Kerumitan berpunca daripada pelbagai elemen dalaman dan luaran yang sentiasa mencari peluang untuk melemahkan jati diri, sistem nilai, etika dan moral golongan berkenaan. Akibatnya golongan muda terperangkap dalam pelbagai penyakit sosial seperti penyalahgunaan dadah, jenayah, vandalisme dan lain-lain lagi. Adalah dipercayai bahawa gejala ini juga yang menyebabkan kaum remaja dan belia hari ini lalai serta alpa mengisi kemerdekaan dengan agenda memperbaiki diri dari segi pendidikan, ekonomi, sosial dan sebagainya yang sedikit sebanyak menyumbang kepada kelemahan iman dan patriotisme hatta kurang berwaspada terhadap segala taktik anasir-anasir jahat untuk memporakperandakan masyarakat yang bermatlamat menghancurkan negara bangsa kita.

HADIRIN JAMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT,

Meskipun sebahagian besar daripada kita hari ini tidak mengalami dan merasakan keperitan dan penderitaan hidup di era perang dunia ke-2, namun segala tipu muslihat musuh yang tercatat dalam sejarah seharusnya menjadi pengajaran dan mendewasakan kita untuk mengenal pasti taktik dan matlamat musuh-musuh kita.

Sepertimana yang tercatat dalam sejarah, sebelum tercetusnya perang dunia ke-2, agen perisik dan tentera Jepun telah terlebih dahulu memasuki negara kita dengan menyamar sebagai tukang gunting, tukang kasut, tukang basikal dan sebagainya. Melalui taktik ini membolehkan mereka mengetahui hal keadaan serta selok belok dalam negara yang mana telah membantu mereka menawan negara kita dengan begitu mudah dalam tempoh yang singkat.

HADIRIN JAMAAH JUMAAT YANG DILINDUNGI ALLAH SWT,

Tugas memikul menjaga keamanan dan memelihara kedaulatan tanah air tidak boleh diserahkan semata-mata kepada pasukan keselamatan seperti polis dan angkatan tentera. Setiap rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan kaum mempunyai kewajipan yang sama memastikan keamanan dan kemakmuran yang dikecapi terus terpelihara dan siap sedia berkorban melawan musuh dengan apa cara sekalipun sesuai dengan firman Allah SWT seperti berikut:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ ۚ عَدُوَّ اللَّهِ
 وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي
 سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

Yang bermaksud: "Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah SWT dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah SWT mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiaya". (Surah Al-Anfaal: Ayat 60)

Untuk memelihara keamanan dan kemakmuran negara tidak semestinya membabitkan penggunaan senjata yang serba canggih. Perpaduan dan persefahaman setiap rakyat yang berbilang kaum boleh berperanan sebagai senjata ampuh menangkis gugatan musuh daripada pelbagai sudut. Dalam hubungan ini, marilah ianya kita kaitkan dengan konsep hijrah. Hijrah adalah pembinaan semangat, kekuatan dan keyakinan diri disamping memantapkan akidah dan meningkatkan ketakwaan menuju hidup yang lebih bermakna serta direndah oleh Allah SWT. Oleh yang demikian setelah kita merdeka maka hijrahkan diri kita kepada kesatuan yang lebih kuat, berkasih sayang, tolong menolong sehingga tiada siapa yang boleh mengganggu dan menggugat ketenteraman dan keselamatan diri, negeri serta negara kita.

Dalam hubungan ini juga, iman merupakan aset penting untuk dimiliki setiap rakyat justeru ia merupakan satu kekuatan dalaman yang luar biasa yang dapat menggerakkan seseorang itu untuk melakukan kebajikan demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Kerana itulah ada yang mengatakan bahawa mencintai negara itu sebahagian daripada iman. Ini menunjukkan betapa besarnya nilai iman bukan sahaja dalam konteks pembangunan insan, bahkan sangat relevan untuk pembinaan negara hatta menjamin kesejahteraan dan kemakmuran negara. Ini kerana rakyat yang beriman akan beroleh keberkatan dari Allah SWT. Sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

"Jika sekiranya penduduk sebuah negeri beriman dan bertakwa pastilah kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi". (Surah Al-A'raf: Ayat 96)

Selain daripada itu, setiap rakyat mesti mempunyai semangat patriotisme yang tinggi. Patriotisme ialah perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. Perasaan cintakan negara diterjemahkan melalui pemikiran, perlakuan dan tindakan bersifat memelihara dan mengekalkan keamanan serta kemakmuran negara dengan mempertahankannya daripada ancaman anasir-anasir subversif sama ada dari luar mahupun dari dalam.

HADIRIN JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Marilah kita semua bertekad dan berusaha mempertingkatkan keimanan kepada Allah SWT dan pada masa yang sama merapatkan saf memperkukuhkan ukhuwah islamiah dan memperteguhkan perpaduan ummah agar terbentuk sebuah negara yang kuat dan bersatu yang sedia berkorban untuk menyambung nyawa, harta dan minda bagi mempertahankan dan

membela kesucian agama, maruah ummah dan kedaulatan negara yang tercinta ini. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

Yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebakjikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh, (dimedan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan didaerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah SWT supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)."

اللَّهُ بِسْمِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ

وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
فِيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.